



## ADAB DENGAN PEMIMPIN

### Soalan aneka pilihan

- 1 Apakah kesan yang akan berlaku jika rakyat tidak menghormati pemimpin?
  - A Ekonomi negara akan meningkat.
  - B Pembangunan negara berjalan lancar
  - C Rakyat mempunyai semangat daya saing yang tinggi
  - D Musuh akan mengambil kesempatan melemahkan negara
  
- 2 Apakah langkah terbaik yang perlu diambil oleh rakyat untuk menegur pemimpin?
  - A Menyalurkan melalui wakil rakyat
  - B Melaporkan kepada akhbar
  - C Menentang secara terbuka
  - D Mengadakan demonstrasi
  
- 3 Di antara berikut yang manakah **bukan** pemimpin dalam masyarakat?
  - A Kerani
  - B Pengetua
  - C Penghulu
  - D Ketua Kampung
  
- 4 Apakah kesan buruk terhadap pemimpin apabila rakyat tidak mentaatinya?
  - A Pemimpin akan marah
  - B Pemimpin akan meletakkan jawatannya
  - C Pemimpin tidak mendapat penghargaan dan pengiktirafan
  - D Pemimpin gagal melaksanakan tugas dengan baik dan lancar.
  
- 5 Berikut merupakan tanggungjawab pemimpin terhadap pimpinannya, **kecuali...**
  - A berlaku adil
  - B menjaga negara
  - C menyediakan infrastruktur
  - D menyediakan rumah kediaman
  
- 6 Rasulullah s.a.w. menyuruh kita melantik seorang ketua apabila bermusafir \_\_\_\_\_ orang atau lebih.
  - A dua
  - B tiga
  - C empat
  - D lima

- 7 Pemimpin bermaksud...
- A orang yang bertanggungjawab, jujur dan boleh dipercayai
  - B orang yang mengetuai sesebuah organisasi
  - C orang yang dilantik sebagai perdana menteri
  - D orang yang berketurunan raja
- 8 Seseorang pemimpin itu berhak untuk tidak ditaati oleh rakyat jika...
- A menyuruh melakukan perkara maksiat
  - B menyuruh melakukan perkara yang ia tidak sukai
  - C menyuruh rakyat membantu tugas yang diarahkan
  - D melarang rakyat dari menimbulkan isu-isu perkauman
- 9 Kaum wanita boleh menjadi pemimpin dalam urusan yang melibatkan
- A ketua bagi sebuah negara
  - B urusan keluarga sahaja
  - C kaum lelaki dan wanita
  - D kaum wanita sahaja
- 10 Ciri-ciri pemimpin yang baik termasuklah...
- I berilmu pengetahuan
  - II tegas melaksanakan hukum Allah
  - III menjatuhkan hukuman dengan adil
  - IV berbelah bahagi ketika membuat keputusan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 11 Pilih peranan utama seorang pemimpin bagi sesebuah negara atau organisasi.
- I Menstabilkan keadaan politik negara
  - II Memastikan kedudukannya tidak tergugat
  - III Memastikan undang-undang dilaksanakan sepenuhnya
  - IV Mengaut keuntungan yang lebih untuk kepentingan diri dan keluarga
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 12 Antara yang berikut, manakah yang merupakan faedah mentaati pemimpin.
- I Keamanan dan kesejahteraan negara terjamin
  - II Lahirnya masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin
  - III Negara dikenali dan mendapat perhatian
  - IV Hubungan antara pemimpin dengan rakyat terjalin erat

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II,III dan IV

13

Taat kepada pemimpin adalah satu kewajipan

Dalam keadaan manakah rakyat wajib mematuhi pemimpin.

- I Pemimpin menyeru supaya bersatu padu
- II Pemimpin menyeru supaya bangun menentang musuh
- III Pemimpin menyeru meningkatkan sentimen perkauman
- IV Pemimpin menyeru supaya berpeluk tubuh tanpa bekerja.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

14 Kedamaian sesebuah negara bergantung kepada sikap rakyat terhadap pemimpinnya. Apakah kesan yang akan berlaku jika rakyat tidak menghormati pemimpin?

- A Ekonomi negara akan meningkat.
- B Pembangunan negara berjalan lancar
- C Rakyat mempunyai semangat daya saing yang tinggi.
- D Musuh akan mengambil kesempatan melemahkan negara

15

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Surah an-Nisa' 59

Sebahagian ahli tafsir berpendapat “ ulul amri “ dalam ayat di atas bermaksud pemimpin kecuali :

- A Pengetua
- B Penghulu
- C Ketua keluarga
- D Ketua kampung

**Soalan isi tempat kosong**

- 1 Ketaatan kepada pemimpin adalah wajib selagi tidak disuruh melakukan \_\_\_\_\_
- 2 Segala polisi dan projek yang dilakukan oleh kerajaan tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada \_\_\_\_\_
- 3 Pemimpin bertanggungjawab menyediakan keperluan asas seperti pendidikan dan peluang \_\_\_\_\_ kepada rakyat.
- 4 Kewujudan pemimpin penting dalam sesebuah masyarakat untuk memastikan kestabilan dan pelaksanaan \_\_\_\_\_ dalam masyarakat tersebut.
- 5 Sekiranya rakyat ingin menasihati pemimpin, mereka hendaklah \_\_\_\_\_ pemimpin dengan cara dan saluran yang baik.
- 6 Hukum mentaati pemimpin adalah \_\_\_\_\_.

**BAHAGIAN B**

1. (a) Pemimpin berwibawa tunjang kemakmuran negara.
  - ( i ) Apakah yang dimaksudkan dengan pemimpin ? [ 2 markah ]
  - ( ii ) Jelaskan **dua** ciri pemimpin menurut Islam. [ 4 markah ]
  - ( iii ) Nyatakan **dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat. [ 4 markah ]
2. (a) Kita hendaklah beradab terhadap pemimpin.
  - ( i ) Jelaskan **dua** adab tersebut. [ 4 markah ]
- 3 Pemimpin merupakan manusia biasa yang tidak dapat lari dari melakukan kesilapan.

Huraikan pandangan anda apakah yang akan terjadi sekiranya rakyat menegur pemimpin dengan cara menyebarkan anaib atau memburuk-burukkan pemimpin secara terbuka.